



MOHD Harun menyampaikan anugerah Tokoh Penyelidikan Malim kepada Prof. Madya Dr. Charles Vairappan.



MOHD Harun (empat kiri), Shahril (lima kiri) dan Felix (tiga kiri) bergambar bersama para pemenang anugerah.

Produk diiktiraf dalam dan luar negara perlu dikomersilkan: Mohd Harun

14.4.2013 NST 4

OLEH MARRYAN RAZAN
marrayan@newsabah-
times.com.my

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah mahu agar produk-produk yang telah mendapat pengiktirafan dalam dan luar negara dikomersilkan melalui kerjasama pintar dengan pihak industri.

Beliau berkata, ini kerana harta intelek hasil penyelidikan dan inovasi merupakan aset penting sesebuah universiti yang mampu menjana pendapatan sekiranya berjaya dikomersilkan.

Katanya lagi, dalam usaha untuk memberi perlindungan terhadap harta intelek, UMS dengan kerjasama MyIPO Sabah berjaya memberi perlindungan kepada 23 harta intelek dalam bentuk Patent, Cap Dagangan dan Hak cipta.

"Beberapa dari harta intelek ini telah dinilai untuk tujuan pengkomersilan dan diharap berjaya dikomersilkan dalam masa terdekat.

"Harta intelek hasil penyelidikan berkaitan teknologi penghasilan rumpai laut, konsep estet mini berjaya dilesenkan untuk tujuan pengkomersilan. Tahniyah kepada para penyelidik yang terlibat untuk menyahut cabaran dalam melestarikan industri rumpai laut negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika beru-

cap sempena Anugerah Penyelidik UMS, di Promenade Hotel, di sini, pada malam Sabtu.

Mohd Harun berkata kecemerlangan penyelidikan dan inovasi sesebuah universiti kini diukur menggunakan instrumen MyRA oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

"Berdasarkan kepada tujuh kriteria pengukur utama itu pada tahun lalu, UMS berjaya mencapai tahap tiga bintang. Pencapaian ini adalah berkat kegigihan dan semangat kerjasama warga UMS," katanya.

Bagi meningkatkan lagi kualiti penyelidikan universiti itu, beliau turut menggesa supaya para penyelidik UMS dapat memperkukuhkan kerjasama pintar dengan industri dan universiti terkemuka luar negara dalam bidang tujahan tertentu.

Beliau berkata pada tahun lalu, kerajaan melalui KPT, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi dan kementerian lain memperuntukkan sejumlah RM8.3 juta untuk staf UMS menjalankan 80 penyelidikan baru.

"KPT juga telah meluluskan RM200,000 untuk menjalankan pemindahan teknologi dalam bidang akuakultur. Sementara RM2.4 juta ditaja oleh agensi swasta dan antarabangsa untuk menjalankan 11 projek penyelidikan.

"Saya berharap projek penyelidikan ini dapat dijalankan dengan jaya, seterusnya menghasilkan penerbitan dan produk

bermutu tinggi," katanya.

Bagi pensyarah yang belum ada geran penyelidikan, Mohd Harun berharap mereka akan berusaha lebih gigih untuk mendapatkan geran penyelidikan, bukan sahaja dari sumber kerajaan tetapi dari sumber luar.

"Saya menyeru agar warga penyelidik akan melipatgandakan usaha untuk menghasilkan lebih banyak karya dan menerbitkannya dalam jurnal berimpak tinggi pada tahun ini," katanya dan menambah pada tahun lalu, UMS berjaya menghasilkan 199 makalah dalam jurnal berimpak dan berindeks.

Katanya dalam usaha untuk memperkasakan nic penyelidikan yang bersesuaian dengan keperluan negara khususnya di Sabah, empat unit penyelidikan baru telah ditubuhkan pada tahun lalu.

"Empat unit itu ialah Unit Penyelidikan Rumpai Laut, Unit Penyelidikan Kelapa Sawit Lestari, Unit Penyelidikan Warisan Borneo dan Unit Penyelidikan Tuberkulosis.

"Saya berharap semua unit penyelidikan ini dapat mempergiatkan usaha untuk menjalankan penyelidikan dan inovasi agar satu hari nanti akan diiktiraf sebagai HiCoE KPT," katanya.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidik Dan Inovasi) UMS Prof. Dr. Shahril Yusof, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi UMS Prof. Dr. Felix Tongkul, pegawai-pegawai utama universiti, dekan, pengarah, ketua-ketua jabatan dan warga penyelidik UMS.